



SKIM PINJAMAN HARAPAN (SPH) Pulau Pinang

KANDUNGAN

.....



- 02 Kandungan
- 03 Pengenalan PDC
- 04-05 Kata Aluan
- 06 Pengenalan SPH
- 07 Matlamat SPH
- 08 Skim 1 & 2
- 09 Soalan Lazim
- 10-11 Syarat Kelayakan



- 12-13 Temu Bual Usahawan
- 14 Jenis Perniagaan Yang layak memohon
- 15 Dokumen Permohonan
- 16-17 Jadual Pembayaran Balik Pinjaman
- 18 Pengenalan Bahagian Pembangunan Usahawan
- 19 Kursus Keusahawanan & Latihan Insaniah
- 20 Hubungi PDC



Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

ditubuhkan pada 17 November 1969, merupakan agensi pembangunan utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejak penubuhannya, PDC bertanggungjawab menerajui ekonomi, mencipta peluang pekerjaan, dan meningkatkan kualiti hidup warga Pulau Pinang.

VISI

Menjadi Peneraju dalam Pembangunan Sosioekonomi yang Mampan bagi menjana dan mengagihkan kekayaan.



KATA ALUAN



YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1

"Saya mengalu-alukan pelaksanaan Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang merupakan inisiatif penting dalam memacu pembangunan usahawan di Pulau Pinang. Skim ini bukan sahaja menyediakan akses kepada modal yang diperlukan, tetapi juga memberi peluang kepada usahawan untuk berkembang dan menyumbang kepada ekonomi negeri. Saya percaya, dengan sokongan dan komitmen bersama, kita akan dapat melahirkan lebih ramai usahawan tempatan yang berjaya dan berdaya saing."

YB Dato' Hj. Rashidi Bin Zinol, EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar

"Dengan proses permohonan yang lebih mudah dan kadar faedah yang rendah, Skim Pinjaman Harapan (SPH) memanfaatkan penjaja dan peniaga kecil yang memerlukan modal kecil dalam masa yang singkat. Selepas menjelaskan pinjaman mereka, peniaga boleh memohon semula untuk mendapatkan pinjaman tambahan. Program ini diharapkan dapat menjadi batu loncatan bagi usahawan Pulau Pinang. Bersama-sama kita membina ekosistem perniagaan yang lebih kukuh dan mampan di Pulau Pinang."





Dato' Aziz Bin Bakar,
Ketua Pegawai Eksekutif, PDC

"PDC senantiasa mengutamakan pembangunan usahawan di Pulau Pinang. Sehingga Oktober 2024, PDC telah mengeluarkan pinjaman SPH sebanyak RM30.53 juta kepada 4,282 usahawan tempatan. Ini menunjukkan komitmen PDC untuk menyokong pertumbuhan dan kejayaan usahawan tempatan."

Sr. Roslan Bin Hassan,
Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif (Operasi), PDC

"Ramai peniaga mikro telah berjaya memperluaskan perniagaan mereka melalui Skim 1 dan 2 SPH. Kami menggalakkan lebih ramai peniaga mikro Pulau Pinang untuk memohon pinjaman SPH yang tidak membebankan ini demi kejayaan perniagaan."



En Mohd Faiz Bin Azmi,
Pengurus Bahagian
Pembangunan Usahawan, PDC

"Selain daripada menawarkan pinjaman mikro kredit, Bahagian Pembangunan Usahawan juga menyediakan kursus keusahawanan dan latihan insaniah yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Para peserta dapat mempelajari tren dan kemahiran terkini dengan yuran pendaftaran yang rendah."





Skim Pinjaman
Mikro Kredit
**Skim Pinjaman
Harapan (SPH)**
Pulau Pinang

Skim Pinjaman Harapan (SPH) merupakan program kerjasama di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang menawarkan pinjaman perniagaan sebagai modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan kepada usahawan mikro di Pulau Pinang.

Pinjaman daripada RM5,000.00 sehingga RM50,000.00 terbuka kepada semua kaum.

MATLAMAT SPH

Mempertingkatkan
taraf hidup rakyat
melalui pinjaman
perniagaan

Menggalakkan
budaya menabung
di kalangan
penjaja dan
peniaga kecil



Menawarkan
modal tambahan
kepada peniaga
dan penjaja kecil

Mewujudkan
rangkaian
usahawan yang
operasional

Memperkukuhkan
keupayaan
pengurusan
peniaga kecil

2 JENIS SKIM

Skim Pinjaman SPH		
	Skim 1	Skim 2
JUMLAH PINJAMAN	RM5,000 – RM25,000	RM26,000 – RM50,000
TEMPOH PINJAMAN	50 – 200 Minggu	12 – 48 Bulan
KADAR CAJ PENGURUSAN	4%* Setahun	6% Setahun
KAEDAH KUTIPAN	Mingguan	Bulanan

* Caj Pengurusan akan dikenakan mulai tahun kedua pinjaman

SOALAN LAZIM

Bagaimana memohon SPH?

Anda boleh memohon secara dalam talian di spm.pdc.gov.my, menghubungi 04-510 6113 / 6122/ 6133/ 6129/ 6132, atau hadir ke pejabat PDC untuk mendapatkan bantuan daripada pegawai di Bahagian Pembangunan Usahawan.

.....



Adakah SPH terbuka kepada semua kaum?

Ya, skim ini terbuka kepada semua peniaga kecil atau penjaja yang memenuhi syarat kelayakan tanpa mengira kaum. Sila rujuk halaman 10 & 11 untuk syarat kelayakan.

.....



Berapa kali saya boleh memohon?

Tiada had untuk memohon. Anda boleh memohon semula setelah pinjaman sedia ada telah diselesaikan.

.....



Berapa lamakah permohonan diproses?

Permohonan akan diluluskan dalam tempoh 3 minggu sekiranya dokumen lengkap.



SYARAT KELAYAKAN



Warganegara
Malaysia
berumur 18 –
60 Tahun

Pengundi
di Pulau
Pinang

Berniaga dan
menetap di
Pulau Pinang

Mempunyai
lesen
perniagaan

Mempunyai
tempat
perniagaan

Berniaga lebih
dari 6 bulan



Nama
tidak
disenarai
hitam



Seorang
penjamin
(ahli
keluarga)
(Skim 2)



Mempunyai
akaun bank
atas nama
syarikat
(Skim 2)




Jualan kasar
melebihi
RM26,000 –
RM50,000
sebulan untuk
3 bulan ke
belakang
(Skim 2)



3 orang
pekerja tetap
mempunyai
caruman
KWSP
(Skim 2)


TEMU BUAL USAHAWAN SPH

.....



**Yogeshparee
A/P Muniandy**
Venus Florist

“ Saya meminjam dari kawan dan menggadai barang kemas untuk memulakan perniagaan ini. Skim mikro kredit SPH adalah penyelamat bagi saya, kerana proses permohonan sangat mudah, cepat, dan tanpa faedah. Caj pengurusan yang minimum hanya dikenakan mulai tahun kedua. SPH membantu saya mengembangkan perniagaan saya.”



**Muhammad Siddiq
Bin Abdullah**
Zam Zam Katira Enterprise

“Saya telah berjaya mendapat pinjaman SPH untuk kali kedua. Pinjaman pertama digunakan untuk pembelian mesin dan bahan mentah. Seterusnya, saya memohon pinjaman kedua untuk memasarkan produk saya di kedai-kedai. Perniagaan saya berkembang dari penjualan 300 botol sehari kepada lebih daripada 800 botol sehari sekarang.”

Chiw Pheng Pheng
*Pusat Servis Kereta
Petron Gelugor*



"Saya memulakan bengkel kereta ini secara kecil-kecilan. Dengan adanya Skim Pinjaman Harapan, saya dapat menambahbaik sistem komputer dan alat terkini yang seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Ini adalah kali kelima saya memohon Skim Pinjaman Harapan. Saya menggalakkan peniaga kecil yang lain turut memohon dan mengambil manfaat daripada skim ini."

Wati Aisah Binti Baharudin
*Laksa Kak Wa Kg
Guar Jering*



"Skim Pinjaman Harapan bukan sahaja memberikan modal tambahan kepada peniaga atau peniaga kecil, tetapi juga menggalakkan budaya menabung. Saya berasa gembira menerima duit simpanan daripada PDC setelah menjelaskan pinjaman saya. Perniagaan saya juga bertambah baik daripada 2 meja sehingga lebih daripada 20 meja sekarang."

JENIS-JENIS PERNIAGAAN YANG DITAWARKAN PINJAMAN



KEDAI TETAP

- Kedai Runcit
- Restoran
- Pakaian & Tudung
- Kasut
- Kedai Kek



GERAI TETAP

- Makanan / Minuman
- Gerai di Pasar
- Buah-Buahan
- Makanan Ringan



GERAI BERGERAK

- Pasar Pagi
- Pasar Malam
- Food Truck



PERNIAGAAN PERKHIDMATAN

- Bengkel Kereta/ Motor
- Spa
- Dobi
- Membaiki Komputer/ Telefon
- Kedai Cermin Mata
- Perniagaan Online
- Pusat Asuhan / Tadika
- Pusat Bimbingan
- Salun
- Kedai Haiwan
- Butik Pengantin
- Kimpalan



DOKUMEN PERMOHONAN

01

Gambar Pemohon Ukuran Pasport



02

Salinan Kad Pengenalan Pemohon



03

Salinan Kad Pengenalan Rujukan



04

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM / MBPP / MBSP



05

Gambar Perniagaan (Premis / Produk / Mesin)



06

Penyata Bank Terkini (Akaun Simpanan-1 bulan)



07

Sebut Harga dari Pembekal



08

Salinan Utiliti Kediaman (Elektrik dan Air)



09

Lakaran Pelan Lokasi Premis Perniagaan



10

Semakan Daftar Pemilih (Pengundi Pulau Pinang)



11

Salinan Kad Pengenalan Penjamin (Skim 2)



12

Penyata Bank Syarikat / Akaun Semasa (Skim 2)



13

Rekod Jualan Bagi 3 Bulan Terkini (Skim 2)



JADUAL PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN

Jumlah Pinjaman	Bayaran Mingguan						
	50 MINGGU	100 MINGGU		150 MINGGU		200 MINGGU	
		1-50	51-100	1-50	51-150	1-50	21-200
RM 5,000.00	112.50	62.50	66.50	45.83	49.83	37.50	41.50
RM 6,000.00	135.00	75.00	79.80	55.00	59.80	45.00	49.80
RM 7,000.00	157.50	87.50	93.10	64.17	69.77	52.50	58.10
RM 8,000.00	180.00	100.00	106.40	73.33	79.73	60.00	66.40
RM 9,000.00	202.50	112.50	119.70	82.50	89.70	67.50	74.70
RM 10,000.00	225.00	125.00	133.00	91.67	99.67	75.00	83.00
RM 11,000.00	247.50	137.50	146.30	100.83	109.63	82.50	91.30
RM 12,000.00	270.00	150.00	159.60	110.00	119.60	90.00	99.60
RM 13,000.00	292.50	162.50	172.90	119.17	129.57	97.50	107.90
RM 14,000.00	315.00	175.00	186.20	128.33	139.53	105.00	116.20
RM 15,000.00	337.50	187.50	199.50	137.50	149.50	112.50	124.50
RM 16,000.00	360.00	200.00	212.80	146.67	159.47	120.00	132.80
RM 17,000.00	382.50	212.50	226.10	155.83	169.43	127.50	141.10
RM 18,000.00	405.00	225.00	239.40	165.00	179.40	135.00	149.40
RM 19,000.00	427.50	237.50	252.70	174.17	189.37	142.50	157.70
RM 20,000.00	450.00	250.00	266.00	183.33	199.33	150.00	166.00
RM 21,000.00	472.50	262.50	279.30	192.50	209.30	157.50	174.30
RM. 22,000.00	495.00	275.00	292.60	201.67	219.27	165.00	182.50
RM 23,000.00	517.50	287.50	305.90	210.83	229.23	172.50	190.90
RM 24,000.00	540.00	300.00	319.20	220.00	239.20	180.00	199.20
RM 25,000.00	562.50	312.50	332.50	229.17	249.17	187.50	207.50

SKIM 1

Jumlah Pinjaman	Bayaran Bulanan			
	12 BULAN	24 BULAN	36 BULAN	48 BULAN
RM 26,000.00	2,567.50	1,484.17	1,123.06	942.50
RM 27,000.00	2,666.25	1,541.25	1,166.25	978.75
RM 28,000.00	2,765.00	1,598.33	1,209.44	1,015.00
RM 29,000.00	2,863.75	1,655.42	1,252.64	1,051.25
RM 30,000.00	2,962.50	1,712.50	1,295.83	1,087.50
RM 31,000.00	3,061.25	1,769.58	1,339.03	1,123.75
RM 32,000.00	3,160.00	1,826.67	1,382.22	1,160.00
RM 33,000.00	3,258.75	1,883.75	1,425.42	1,196.25
RM 34,000.00	3,357.50	1,940.83	1,468.61	1,232.50
RM 35,000.00	3,456.25	1,997.92	1,511.81	1,268.75
RM 36,000.00	3,555.00	2,055.00	1,555.00	1,305.00
RM 37,000.00	3,653.75	2,112.08	1,598.19	1,341.25
RM 38,000.00	3,752.50	2,169.17	1,641.39	1,377.50
RM 39,000.00	3,851.25	2,226.25	1,684.58	1,413.75
RM 40,000.00	3,950.00	2,283.33	1,727.78	1,450.00
RM 41,000.00	4,048.75	2,340.42	1,770.97	1,486.25
RM 42,000.00	4,147.50	2,397.50	1,814.17	1,522.50
RM 43,000.00	4,246.25	2,454.58	1,857.36	1,558.75
RM 44,000.00	4,345.00	2,511.67	1,900.56	1,595.00
RM 45,000.00	4,443.75	2,568.75	1,943.75	1,631.25
RM 46,000.00	4,542.50	2,625.83	1,986.94	1,667.50
RM 47,000.00	4,641.25	2,682.92	2,030.14	1,703.75
RM 48,000.00	4,740.00	2,740.00	2,073.33	1,740.00
RM 49,000.00	4,838.75	2,797.08	2,116.53	1,776.25
RM 50,000.00	4,937.50	2,854.17	2,159.72	1,812.50

SKIM 2

BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



OBJEKTIF

- Menggalakkan dan membantu mewujudkan usahawan berkualiti.
- Mewujud dan menyebarkan peluang-peluang perniagaan kepada usahawan.
- Merancang, menyelaras dan mempromosikan produk dan perkhidmatan usahawan.
- Melaksanakan program keusahawanan bersama-sama dengan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta persatuan-persatuan usahawan.



FUNGSI

- Membimbing, mendidik serta membantu para usahawan mikro dan kecil Pulau Pinang.
- Penyediaan sewaan premis bagi peniaga kecil.
- Pengurusan Pinjaman Mikro Kredit Skim Pinjaman Harapan Pulau Pinang (SPH) dan Tabung Usahawan Tani (TUT).
- Sekretariat kepada Jawatankuasa MMK Pembangunan Keusahawanan.



KURSUS KEUSAHAWANAN & LATIHAN INSANIAH



Kursus Keusahawanan dan Pembangunan Perniagaan

- Bengkel Kesedaran dan Bimbingan Halal Usahawan
- Program Tembus Pasaran Digital
- Kursus Asas Keusahawanan (KAK)
- Kursus Wanita dalam Ekonomi



Kursus Kewangan dan Perakaunan

- Kursus Perakaunan dan Percukaian
- Kursus Jom Mahir Akaun



Kursus Pemasaran dan Komunikasi

- Kursus TikTok untuk Perniagaan
- Kursus Pembungkusan, Pelabelan dan Penjenamaan
- Kursus Komunikasi & Ketrampilan Profesional Usahawan



Kursus Teknologi dan Inovasi

- Kursus Kepintaran Buatan (AI) untuk Perniagaan
- Pemasaran Futuristik Dengan Artificial Intelligence (AI)
- Kursus Kandungan Kreatif & Copywriting



Kursus Strategi Perniagaan

- Kursus Kuasai Bisnes dengan Business Model Canvas (BMC)
- *Business Model Strategy*
- *Branding Strategy for Business*



Program/ Pameran

- Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)
- Karnival Keusahawanan Pulau Pinang
- Penang International Halal Expo and Conference (PIHEC)
- Ekspo di Luar Negara (China, dan Indonesia)

Sila imbas kod QR dan berdaftar

dengan Bahagian Pembangunan Usahawan untuk mendapat informasi terkini



Hubungi Kami



Laman Sesawang

www.pdc.gov.my

Facebook

SPH & Usahawan
Pulau Pinang

Telegram

PDCusahawan

Talian Hotline

04- 510 6113/
6122/ 6133/ 6129/ 6132

Kod QR

